

26/06/2002

Kompromi terbaik licinkan peralihan

SEGALA keraguan selesai sudah dan sebarang persoalan juga kini terjawab. Majlis Tertinggi (MT) yang bermesyuarat semalam sebulat suara menerima dan menghormati keputusan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk meletakkan semua jawatan dalam parti, Barisan Nasional (BN) dan kerajaan hanya selepas Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Kuala Lumpur yang dijadualkan pada 24 dan 25 Oktober 2003. MT juga memberi sokongan sebulat suara terhadap keputusan Dr Mahathir menetapkan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selaku pengganti beliau apabila tempoh yang ditetapkan tiba selain memangku jawatan Perdana Menteri dan Presiden Umno pada bila-bila masa Dr Mahathir bercuti. Jelaslah peralihan kepemimpinan dan tugas dilakukan dengan teratur tanpa sesiapa pun dapat mempertikaikannya.

Kesanggupan Dr Mahathir untuk menyambung tugasnya selama 16 bulan lagi - satu kompromi dengan Jawatankuasa Pengurusan Umno sesudah beliau mengumumkan peletakan jawatan Sabtu lalu - hendaklah dihormati. Ia menyerlahkan keikhlasannya untuk berundur selepas 21 tahun memimpin parti dan kerajaan. Hanya mereka yang buta hati akan terus beranggapan kejutan yang dilakukannya pada penghujung Perhimpunan Agung Umno empat hari lalu adalah sandiwara yang bertujuan menguji sokongan, mendapatkan simpati atau modal menagih restu ahli Umno bagi mengekalkan kepemimpinannya untuk satu tempoh yang tidak dihadkan. Sebaliknya, Dr Mahathir sebenarnya sekali lagi berkorban dengan mengetepikan kepentingan diri dan keluarga untuk memenuhi tuntutan parti dan kerajaan.

Dr Mahathir boleh memilih untuk tidak berganjak daripada pendirian asalnya. Sesudah 21 tahun mengabdikan diri kepada tugas rasmi, dengan Umno pimpinannya bertambah kukuh, kerajaan terbukti kuat untuk mendepani cabaran manakala ekonomi negara kian stabil, beliau tidak langsung ketandusan sebab untuk memilih persaraan. Begitupun, seperti didedahkan oleh sumber paling rapat dengannya, Dr Mahathir sendiri sama sekali tidak menduga sedemikian hebat desakan majoriti rakyat yang mahukan beliau terus memimpin mereka daripada menghulur salam perpisahan secara 'tergesa-gesa'. Garapan sentimen berkenaan dengan keinsafannya sendiri terhadap pentingnya dipastikan kedudukan Umno tidak tergugat dan kekuatan kerajaan tidak terjejas, Dr Mahathir mengutamakan peralihan kuasa yang tersusun.

Benarlah kesimpulan bahawa Dr Mahathir membuat keputusan berkenaan atas kerelaannya sendiri - tanpa rasa tertekan oleh sesiapa dan tanpa rasa terguris hati atas apa-apa perkara. Amat wajar jugalah pengunduran Dr Mahathir nanti hanya sesudah Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM), Februari depan dan Sidang Kemuncak OIC lapan bulan kemudian kerana kedua-dua forum antarabangsa itu didatangkan ke Malaysia pun atas pengiktirafan terhadap sumbangan besar beliau terhadap kedua-dua pertubuhan berkenaan. Ia hanya bakal melengkapkan sanjungan terhadap Dr Mahathir selaku negarawan ulung dan pemimpin terbilang.

Sambil itu, adalah penting untuk semua ahli Umno sentiasa bersatu-padu dan bekerjasama untuk terus memperkasakan parti. Ketiga-tiga Naib Presiden Umno serta Ketua Wanita dan Ketua Pemuda sudah menyatakan sokongan tidak berbelah-bahagi terhadap peralihan kuasa yang dirangka serta kepada Abdullah sebagai pewaris kepemimpinan parti dan kerajaan. Semangat yang sama hendaklah diresapi hingga ke peringkat akar umbi. Tiada sesiapa yang harus terpengaruh dengan sebarang andaian kononnya akan terus berlaku ketidaktentuan dalam tempoh peralihan berkenaan, dengan Dr Mahathir dan

Abdullah dibayangkan akan saling menenggelami. Sehingga tiba waktunya nanti, Dr Mahathir masih kekal memimpin negara manakala Abdullah pula akan mengambil alih kemudian dalam meneruskan kelancaran tradisi peralihan kepemimpinan negara ini tanpa sebarang kekalutan.

(END)